

Malaysia kutuk serangan di Istanbul
Astro Awani
Jun 9, 2016

PUTRAJAYA: Kerajaan Malaysia mengutuk sekeras-kerasnya serangan pengganas di Istanbul pada 7 Jun 2016 yang telah meragut beberapa nyawa, termasuk pegawai polis, serta mencederakan orang awam.

Kerajaan Malaysia merakamkan ucapan simpati dan takziah kepada Kerajaan dan rakyat Republik Turki serta kepada keluarga dan mangsa yang terlibat di dalam serangan tersebut.

Laporan awal mengesahkan tiada rakyat Malaysia yang dilaporkan terlibat dalam kejadian ini.

Kedutaan Besar Malaysia di Ankara akan terus berhubung dengan pihak berkuasa Turki dan rakyat Malaysia di sana termasuklah para pelajar yang menuntut di Istanbul.

Kementerian Luar Negeri mengingatkan rakyat Malaysia yang bermastautin atau pun yang melawat Istanbul hendaklah sentiasa mengutamakan keselamatan dan memantau suasana sekeliling serta mematuhi nasihat yang dikeluarkan Kerajaan Republik Turki.

Kementerian Luar Negeri akan terus memantau situasi ini dari semasa ke semasa.

Tag: [Kerajaan Malaysia mengutuk sekeras-kerasnya serangan pengganas di Istanbul pada 7 Jun 2016 yang telah meragut beberapa nyawa](#), [Kedutaan Besar Malaysia](#), [Kementerian Luar Negeri](#)

© 2016 Astro Awani Network Sdn. Bhd. (535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/malaysia-kutuk-serangan-di-istanbul-107628>